



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2014

PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA MELALUI SISTEM *STUDENT APPLICATION AND REGISTRATION SYSTEM* (STARS), EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan arahan baru yang telah ditetapkan oleh agensi kawalselia kemasukan pelajar antarabangsa yang mengikuti latihan kemahiran di bawah program *SkillsMalaysia INVITE* (SMi), Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Dalam Negeri bersama-sama agensi kawalselia pelajar antarabangsa iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia telah bersetuju agar prosedur pengeluaran Pas

Pelajar diperkemaskan supaya hanya pelajar yang tulen sahaja dibenarkan memasuki negara ini.

- 2.2 Jemaah Menteri telah mempersetujui penubuhan 'Education Malaysia Global Services' (EMGS) sebagai sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ-'*Guaranteed Limited Company*' yang bukan berasaskan keuntungan) di bawah kawalselia KPM di mana ia berfungsi sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) bagi melaksanakan aktiviti pemasaran, promosi dan pengurusan perekrutan pelajar antarabangsa ke Malaysia sehingga kepada proses pengeluaran visa.
- 2.3 Jemaah Menteri juga telah bersetuju bahawa pelaksanaannya akan dilakukan melalui *Student Application And Registration System (STARS)* yang berperanan sebagai sistem sepusat bagi semua proses permohonan dan pengambilan pelajar antarabangsa yang akan mengikuti program pengajian tinggi dan juga pelajar antarabangsa yang akan mengikuti latihan kemahiran di bawah program SMi seliaan JPK.
- 2.4 Berasaskan kepada keputusan dasar tersebut, maka Jabatan ini telah bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan EMGS dengan struktur bayaran yang bersesuaian dikenakan kepada pusat bertauliah (PB) JPK, seperti di Lampiran A.
- 2.5 Sistem *STARS* akan berfungsi sebagai *entry point* untuk merekod dan memproses permohonan pelajar antarabangsa oleh PB dan agensi-agensi lain yang terlibat. Ia juga akan berfungsi sebagai sistem kawalan pelajar yang menyokong aktiviti penguatkuasaan dengan menyediakan pangkalan data butiran maklumat dan lokasi pelajar semasa menjalani latihan di negara ini. Sistem *STARS* yang bersepadu ini akan dapat menambahbaik proses kerja sedia ada dan mempercepatkan proses kelulusan di samping berupaya menjejaki status permohonan pada bila-bila masa sama ada oleh pelajar, PB, JPK mahupun agensi penguatkuasa yang lain.

3. ARAHAN-ARAHAN BERKAITAN PENGGUNAAN SISTEM STARS

Permohonan (Proses Pra-Kemasukan)

- 3.1 Permohonan Pas Pelajar akan dikendalikan sepenuhnya oleh EMGS. PB yang telah mendapat kebenaran untuk membuat pengambilan pelajar antarabangsa adalah diwajibkan untuk menggunakan perkhidmatan EMGS melalui Sistem STARS.
- 3.2 PB perlu terlebih dahulu mendaftar kepada EMGS (sekali sahaja) untuk mendapatkan 'Login ID' dan 'Password' sebelum boleh menggunakan Sistem STARS sama ada dengan datang sendiri ke EMGS atau melalui pautan berikut :-
- i) <http://www.educationmalaysia.gov.my/one-stop-application/>; atau
 - ii) <https://stars.educationmalaysia.gov.my>
- 3.3 Fi dan Caj akan dikenakan untuk setiap permohonan mengikut kadar yang telah ditetapkan (Rujuk Lampiran A) di atas perkara dan urusan seperti berikut :-
- i) Yuran Perkhidmatan EMGS;
 - ii) Bayaran Pemeriksaan Kesihatan;
 - iii) Bayaran Perlindungan Insuran Kesihatan;
 - iv) Yuran Penyambungan Tahap (jika berkaitan);
 - v) Yuran Pembaharuan Pas Pelajar (jika berkaitan);
 - vi) Bayaran pelekak Pas Pelajar (JIM);
 - vii) Bayaran "Multiple Entry Visa" (JIM).
- 3.4 Setiap pelajar diwajibkan untuk melalui pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia. PB juga digalakkan supaya memastikan pelajar mereka mengemukakan

laporan pemeriksaan kesihatan dari negara asal semasa permohonan sebagai tapisan awal bagi mengelakkan pelajar yang mempunyai masalah kesihatan masuk ke Malaysia dan sekiranya gagal pemeriksaan kesihatan di Malaysia, pelajar terpaksa diarahkan pulang ke negara asal.

- 3.5 Salinan dokumen lengkap permohonan perlulah dikemukakan ke kaunter EMGS seperti alamat di bawah. Hanya maklumat yang lengkap sahaja akan diproses.

Pengarah Urusan
Education Malaysia Global Services (EMGS)
20th Floor, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 Kuala Lumpur

- 3.6 Satu senarai ringkasan permohonan pelajar (Rujuk Lampiran B) berserta pelan pelaksanaan latihan - *Training Master Plan* (Rujuk contoh Lampiran C) hendaklah dikemukakan kepada JPK untuk semakan dan sokongan permohonan ke Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dapat dilaksanakan.
- 3.7 PB dan pelajar pada bila-bila masa boleh menyemak status permohonan masing-masing melalui sistem *STARS*.

Kelulusan Kemasukan Pelajar

- 3.8 Surat Kelulusan Visa (*Visa Approval Letter* - VAL) akan dikeluarkan oleh JIM kepada pemohon yang berjaya. PB boleh memilih sama ada untuk mengambil sendiri surat kelulusan tersebut di kaunter EMGS atau melalui pos.
- 3.9 Keputusan kelulusan VAL adalah muktamad dan tempoh sahlaku adalah selama enam (6) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

- 3.10 PB hendaklah menyerahkan salinan surat tersebut kepada pelajar untuk urusan mendapatkan Visa Masuk Sekali (*Single Entry Visa – SEV*) melalui Kedutaan atau Perwakilan Malaysia di negara asal, jika ada (sila rujuk Lampiran D). Bagi negara-negara yang tiada Kedutaan atau Perwakilan Malaysia (sila rujuk Lampiran E) dan negara yang tidak memerlukan visa masuk (sila rujuk Lampiran F), VAL boleh digunakan sebagai dokumen sokongan perjalanan dipintu masuk negara.

Pemeriksaan Kesihatan (Proses Selepas Kemasukan)

- 3.11 PB hendaklah memastikan pelajar mereka menjalani pemeriksaan kesihatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas ketibaan di negara ini.

Pertukaran Program

- 3.12 Pelajar boleh memohon untuk menukar program latihan mereka. Walau bagaimanapun pertukaran program hanya dibenarkan di PB yang sama sahaja. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh ketibaan.
- 3.13 Permohonan pertukaran program ini akan dianggap sebagai permohonan baharu. Fi dan Caj perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa seperti di perkara 3.3.1, 3.3.6 dan 3.3.7 akan dikenakan semula.

Pendaftaran

- 3.14 PB juga hendaklah mendaftarkan pelajar mereka dengan JPK dalam tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh ketibaan pelajar di negara ini. Kegagalan PB mendaftarkan

pelatih mereka akan mengakibatkan permohonan bagi pengambilan seterusnya tidak akan disokong dan tindakan penggantungan pentauliahan program boleh dikenakan ke atas PB.

Kad Pengenalan Diri

- 3.15 Satu kad pengenalan (iKad) akan dikeluarkan kepada setiap pelajar bagi menggantikan pasport sebagai pengenalan diri. Walau bagaimanapun, pasport masih kekal menjadi dokumen pengenalan diri yang sah dan perlu dikemukakan apabila diminta oleh pihak berkuasa.

Peraturan dan Prosedur KDN

- 3.16 Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperketat dan memperkemas prosedur kemasukan pelajar antarabangsa bagi mengekang kes-kes penyalahgunaan Pas Pelajar oleh institusi pendidikan dan latihan kemahiran. Peraturan dan prosedur pelaksanaan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:

- i) Memberhentikan permohonan Pas Pelajar daripada pemegang Pas Lawatan Sosial;
- ii) Memberhentikan pengeluaran *Journey-Performed Visa* (JP Visa) kepada pelajar antarabangsa;
- iii) Mewajibkan pemohon Pas Pelajar berada di negara asal semasa membuat permohonan;
- iv) Pelajar hanya dibenarkan masuk ke negara ini setelah VAL dikeluarkan; dan
- v) Mengenakan bon kepada PB dan pelajar.

Penyambungan Tempoh Pas Pelajar

- 3.17 Penyambungan tempoh Pas Pelajar boleh dipohon di atas sebab-sebab berikut:-
- i) Penyambungan tempoh Pas Pelajar yang tamat sebelum tamat tempoh latihan;
 - ii) Pembaharuan tempoh Pas Pelajar yang tamat pada setiap tahun sehingga tamat latihan (*Renewal*); dan
 - iii) Penyambungan tempoh Pas Pelajar disebabkan penyambungan latihan ke tahap lebih tinggi (*Progression*).
- 3.18 PB hendaklah mengemukakan bukti penilaian kekompetenan pelajar bagi setiap permohonan penyambungan Pas Pelajar.
- 3.19 PB hendaklah mengeluarkan surat pemakluman kepada JPK dan JIM bagi memperakui pelajar sekiranya pelajar perlu pulang atau ke luar negara dalam tempoh latihan di atas sebab-sebab kecemasan, bercuti atau apa-apa sebab yang munasabah.
- 3.20 PB hendaklah memastikan tempoh pas pelajar masih aktif dalam tempoh tersebut, atau membuat permohonan pembaharuan pas pelajar sebelum pelajar keluar sekiranya tempoh pas pelajar hampir atau akan tamat semasa pelajar berada di luar negara. Ini adalah bagi memastikan pelajar tidak akan menghadapi masalah untuk masuk semula ke negara ini bagi menyambung latihan.

Memo Keluar (*Check out Memo*)

- 3.21 PB hendaklah melaporkan kepada JPK dan JIM dengan mengemukakan surat makluman keluar pelajar berserta laporan status latihan pelajar dan salinan tiket penerbangan sekiranya pelajar berhenti, tidak menamatkan latihan dan gagal.
- 3.22 PB hendaklah mengemukakan surat makluman berserta laporan polis kepada JPK dan JIM dengan serta merta sekiranya pelajar didapati menghilangkan diri dari tempat latihan dan tidak dapat dikesan.
- 3.23 JIM akan mengeluarkan COM sebagai arahan supaya PB memastikan pelajar mereka pulang ke negara asal. Kegagalan memastikan pelajar pulang mengikut prosedur yang ditetapkan akan memungkinkan PB dan pelajar disenaraihitamkan.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1. PB hendaklah bertanggungjawab dan sentiasa mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak EMGS, agensi kawalselia dan agensi penguatkuasa lain semasa membuat permohonan dan melaksanakan latihan sehingga pelajar tamat latihan dan pulang ke negara asal mereka.
- 4.2. PB juga hendaklah mematuhi syarat-syarat pengambilan pelajar antarabangsa seperti yang telah ditetapkan dalam Panduan dan Syarat Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Pelatih Antarabangsa JPK yang sedang berkuatkuasa.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2014.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'U' shape followed by a horizontal line and a small vertical stroke.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

Tarikh : 14 Mei 2014

Kadar Bayaran Permohonan Pas Pelajar Melalui EMGS

Perkara	Kadar bayaran
Permohonan baru (tempoh program < 6 bulan)	RM 250
Permohonan baru (tempoh program > 6 bulan) (per tahap/ gabungan tahap)	RM 500
Pelanjutan tahap (<i>progression</i>)	
i) < 6 bulan	RM 250
ii) > 6 bulan	RM 500
Pembaharuan (<i>renewal</i>)	RM 140
Pertukaran kursus	RM 250/ RM 500 bergantung kepada tempoh latihan bagi program baru
Pemeriksaan kesihatan (<i>Medical Checkup</i>)	RM 250
Insurans (setahun)*	Kadar purata mengikut bulan (bagi program <12 bulan). Maksimum RM 500 – RM 850 setahun
Pas Pelajar	RM 60
Multiple Entry Visa (jika berkaitan)	Ikut negara

- * Pelajar perlu menanggung sendiri kos konsultasi dan ubatan sekiranya menjalani rawatan kesihatan sakit ringan sebagai pesakit luar di klinik-klinik swasta atau awam. Perlindungan insurans hanya merangkumi rawatan dan perkhidmatan yang disenaraikan di dalam termanan syarat perlindungan insurans sahaja.

SENARAI CALON PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

NAMA PUSAT BERTAULIAH (KOD PUSAT)	:		TEMPOH PENTAUJIAHAN:	
			TEMPOH PERAKUAN KDN:	
PROGRAM DITAWARKAN	:		KOD NOSS:	
TEMPOH LATIHAN / TARIKH MULA DAN TAMAT	:		BIL PEGAWAI PENILAI PROGRAM:	
BIL KAPASITI PROGRAM DIBENARKAN	:		KEKERAPAN PENGAMBILAN SETAHUN:	
BIL PELAJAR TEMPATAN SEDIA ADA BAGI PROGRAM	:		BIL PELAJARASING SEDIA ADA BAGI PROGRAM:	

[illegible]

SAMPLE OF TRAINING MASTER PLAN OF INTAKE FOR YEAR 2014

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	NO OF STUDENTS	
Program A													Local	International
1 st batch	←	Training at institute				→	←	OJT	←					
2 nd batch							←				Training at institute	→		
Program B														
1 st batch			Training at institute				←		OJT	←				
2 nd batch							←				Training at institute	→		
Program C														
1 st batch	←		Training at institute			→	←	OJT	←					
2 nd batch							←				Training at institute	→		
TOTAL NO OF STUDENTS														

Note :

PB can add no of batch and no of program if any.

PB should plan no of student for each intake.

PB should plan and state clearly duration of training at institutes and industries

**STUDENTS FROM THE FOLLOWING VISA REQUIRED WITH MALAYSIA REPRESENTATIVE OFFICE
MUST OBTAIN VISA PRIOR TO THEIR ENTRY INTO MALAYSIA. STUDENTS MUST PRODUCE
THE 'VISA APPROVAL LETTER' (VAL) UPON ENTRY BEFORE ENTERING MALAYSIA.**

ALGERIA	MYANMAR
ARGENTINA	NEPAL
AZERBAIJAN	NETHERLAND
AUSTRIA	NIGERIA
BAHRAIN	NORTH KOREA
BANGLADESH	OMAN
BELGIUM	PAKISTAN
BOSNIA-HERZEGOVINA	PHILIPPINES
BRAZIL	POLAND
CAMBODIA	QATAR
CAMEROON	ROMANIA
CHILE	RUSSIA
CHINA	RWANDA
CROATIA	SAMOA
CUBA	SAUDI ARABIA
CZECH REPUBLIC	SENEGAL
EGYPT	SERBIA MONTENEGRO
FINLAND	SOUTH AFRICA
FRANCE	SOUTH KOREA
GERMANY	SPAIN
GHANA	SRI LANKA
GUINEA REPUBLIC	ST MARINO
HONG KONG (C.I / D.I)	SUDAN
HONG KONG SAR / BNO	SWEDEN
HUNGARY	SYRIA
INDIA	TAIWAN
INDONESIA	THAILAND
IRAN	TURKEY
IRAQ	TURKMENISTAN
IRELAND	UKRAINE
ITALY	UNITED ARAB EMIRATES
JAPAN	UNITED NATIONS
JORDAN	UNITED STATES
KAZAKHSTAN	UZBEKISTAN
KOSOVO	VENEZUELA
KUWAIT	VIETNAM
LAOS	WESTERN SAMOA
LEBANON	YEMEN
LIBYA	
LIENCHESTIEN	
MALTA	
MEXICO	
MOROCCO	
MOZAMBIQUE	

**STUDENTS FROM THE FOLLOWING VISA REQUIRED COUNTRIES WITHOUT MALAYSIA
REPRESENTATIVE OFFICE ARE PERMITTED TO ENTER WITHOUT VISA. STUDENTS MUST
PRODUCE THE 'VISA APPROVAL LETTER' (VAL) UPON ENTRY**

AFGHANISTAN	KYRGYZ REPUBLIC
ALBANIA	LATVIA
ANGOLA	LIBERIA
ARMENIA	LITHUANIA
BELARUS	LUXEMBOURG
BENIN	MACAO
BHUTAN	MACAO SAR
BOLIVIA	MACEDONIA
BULGARIA	MADAGASCAR
BURKINA FASO	MALI
BURUNDI	MAURITANIA
CAPE VERDE	MOLDOVA
CENTRAL AFRICAN REP	MONACO
CHAD	MONGOLIA
COLOMBIA	NICARAGUA
COMOROS	NIGER
CONGO DEMO. REP	NORWAY
CONGO REPUBLIC	PALESTINE
COSTA RICA	PANAMA
DENMARK	PARAGUAY
DJIBOUTI	PORTUGAL
EL SALVADOR	SAO TOME & PRINCIPE
EQUADOR	SLOVAKIA
EQUAT. GUINEA	SLOVENIA
ERITREA	SOMALI
ESTONIA	SOMALIA
ETHIOPIA	SURINAME
GABON	TAJIKISTAN
GEORGIA	TOGO
GREECE	TUNISIA
GUATEMALA	UNITED NATIONS
GUINEA-BISSAU	UPPER VOLTA
HAITI	URUGUAY
HONDURAS	VATICAN CITY
ICELAND	WESTERN SAHARA
IVORY COAST	YUGOSLAVIA
KIRGYSTAN	

**STUDENTS FROM THE FOLLOWING NON VISA REQUIRED COUNTRIES
TO ENTER MALAYSIA MAY PROCEED TO ENTRY BY PRODUCING
THE 'VISA APPROVAL LETTER' (VAL) UPON ENTRY**

**ANTIGUA & BERMUDA
AUSTRALIA
BAHAMAS
BARBADOS
BELIZE
BOTSWANA
BRUNEI
CANADA
DOMINICA
FIJI
GAMBIA
GRENADA
GUYANA
IRELAND
JAMAICA
KENYA
KIRIBATI GILBERT ISL
LESOTHO
LIENCHESTIEN
MALAWI
MALDIVES
MAURITIUS
NAMIBIA
NAURU**

**NETHERLAND
NEW ZEALAND
PAPUA NEW GUINEA
SEYCHELLES
SINGAPORE
SOLOMON ISLAND
SOUTH AFRICA
ST KITTS & NEVIS
ST LUCIA
ST MARINO
ST VINCENT GRENADINE
SWAZILAND
SWITZERLAND
TANZANIA
TONGA
TRINIDAD & TOBAGO
TUVALU
UGANDA
UNITED KINGDOM
VANUATU
WESTERN SAMOA
ZAIRE
ZAMBIA
ZIMBABWE**

